

Mesej Lima
Hidup Bersama dengan Trinitas Divin
(2)
Tuhan Beroperasi dalam Kita

Bacaan Bible: Flp. 2:13; 1:19-21a; Kis. 16:7; Roma 8:9

I. “Tuhanlah yang beroperasi dalam kamu”—Flp. 2:13a:

- A. Tuhan mempunyai satu pergerakan di bumi, dan Dia bergerak melalui operasinya—1 Kor. 12:6, 11; 2 Kor. 1:6; 4:12; Ef. 1:19; 3:7, 20; 4:16; Flp. 3:21; Kol. 1:29; 2:12; 1 Tes. 2:13.
- B. Filipi 2:12-13 mewahikan bahawa pemikiran buku Filipi yang keseluruhannya, merangkumi segala-gala, dan serba merangkumi ialah Tuhan beroperasi dalam kita:
 - 1. Segala apanya Kristus bagi kita adalah untuk operasi Tuhan—ay. 5-11; 3:8-10.
 - 2. Tuhan kita adalah hidup, bergerak, dan beroperasi dalam kita secara berterusan, dan kita harus memberi perhatian kepada operasi Tuhan dalam kita—2:13.
 - 3. Jika kita mempunyai pentamyizan rohani, kudrat kesedaran rohani, kita dapat melihat bahawa semua perkara dalam buku Filipi berkaitan dengan Tuhan beroperasi dalam kita—1:19; 2:5-11; 3:10, 12, 21; 4:5-7, 19, 23.
- C. Segala hal yang diliputi dalam buku Filipi berada dalam pergerakan operasi Tuhan:
 - 1. Bab 1 menunjukkan bahawa kita perlu hidup dan memperbesar Kristus agar Dia menjadi kehidupan dan ekspresi kita—ay. 20-21.
 - 2. Bab 2 menunjukkan bahawa kita perlu mengambil Kristus sebagai teladan kita dan berpegang pada-Nya—ay. 5-11, 16.
 - 3. Bab 3 menunjukkan bahawa kita perlu mengejar dan beroleh Kristus sebagai matlamat kita—ay. 14.
 - 4. Bab 4 menunjukkan bahawa Kristus ialah rahsia kita—ay. 12-13.
- D. Tuhan beroperasi dalam kita supaya kita “berazam dan bekerja untuk kegirangan-Nya”—2:13b:
 - 1. Tuhan yang beroperasi dalam kita ialah Tuhan Tritunggal—Bapa, Anak, dan Roh—Mat. 28:19; 2 Kor. 13:14.
 - 2. Berazam adalah di dalam; bekerja adalah di luar—Flp. 2:13:
 - a. Berazam berlaku dalam tekad kita; ini menunjukkan bahawa operasi Tuhan bermula dari roh kita dan menyebar ke dalam minda, emosi, dan tekad kita—Roma 8:4, 6.
 - b. Perkataan Yunani untuk *bekerja*, atau *bertindak*, dalam Filipi 2:13 ialah perkataan yang sama untuk *beroperasi* dalam ayat ini.
 - 3. Dalam ayat 13, “kegirangan-Nya”—kegirangan kehendak-Nya—adalah agar kita dapat mencapai kemuncak penyelamatan-Nya yang terulung—Ef. 1:5; Flp. 1:19; 2:12.
- E. Kita perlu melihat bahawa Tuhan beroperasi dalam kita merupakan suatu keadaan normal yang ajaib; keadaan ini sama sekali normal namun sama sekali ajaib—ay. 13; 4:6-7:
 - 1. Tuhan sedang beroperasi dalam kita secara ajaib namun secara normal dan senyap—ay. 7.
 - 2. Operasi Tuhan dalam kita bukan luar biasa secara luaran, tetapi ini merupakan perkara besar dari segi rohani—Ef. 1:19; 3:17.

II. Tuhan beroperasi dalam kita dengan “perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus”—Flp. 1:19:

- A. *Roh Yesus* ialah ungkapan khusus berkenaan Roh Tuhan dan merujuk kepada Roh Penyelamat yang berinkarnasi; Penyelamat ini ialah Yesus dalam keinsanan-Nya, yang melalui kehidupan insani dan kematian di atas salib—Kis. 16:7; Luk. 1:31, 35; Mat. 1:21:
1. Dalam Roh Yesus bukan sahaja terdapat elemen divin Tuhan, tetapi juga elemen insani Yesus serta elemen kehidupan insani-Nya dan penderitaan kematian-Nya—Flp. 2:5-8.
 2. Roh Yesus bukan sahaja Roh Tuhan yang mempunyai kedivinan agar kita dapat berhidupkan hayat divin, tetapi juga Roh manusia Yesus yang mempunyai keinsanan dalam-Nya agar kita dapat menjalani kehidupan insani yang wajar dan bersabar-tahan terhadap penderitaannya—ay. 15.
 3. Dalam penderitaan Paulus, dia memerlukan Roh Yesus kerana dalam Roh Yesus ada elemen penderitaan dan kekuatan penderitaan untuk berdiri menentang penindasan—Kol. 1:24; Kis. 9:15-16; 16:7.
- B. *Roh Kristus* merujuk kepada Roh Kristus dalam kebangkitan—Roma 8:9:
1. Menerusi proses inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan, Roh Tuhan telah menjadi Roh Kristus—ay. 9.
 2. Roh Kristus sebenarnya ialah Kristus sendiri yang huni dalam roh kita untuk menyalurkan diri-Nya, iaitu perjasadan Tuhan Tritunggal yang terproses, ke dalam kita sebagai hayat kebangkitan dan kudrat untuk menanggulangi kematian dalam sifat kita—ay. 2, 9.
 3. Melalui Roh Kristus, kita dapat berbahagian dalam kudrat hayat kebangkitan-Nya, bersepadu dengan-Nya dalam kelangkauan kenaikan-Nya ke syurga dan dalam kuasa penabalan-Nya—Flp. 3:10; Ef. 1:20-21; 2:6; Yoh. 11:25; Kis. 2:22-24, 31-36.
- C. *Roh Yesus Kristus* merujuk kepada Roh bagi Yesus yang menderita dan Kristus yang bangkit—Flp. 1:19:
1. Oleh sebab Roh Yesus khususnya merujuk kepada penderitaan Tuan, dan Roh Kristus merujuk kepada kebangkitan-Nya, maka Roh Yesus Kristus berkaitan dengan penderitaan dan kebangkitan-Nya; Roh Yesus Kristus ialah Roh Yesus yang menjalani kehidupan yang menderita di bumi dan Roh Kristus yang kini dalam kebangkitan—Kis. 16:7; Roma 8:9; Flp. 1:19.
 2. Roh Yesus Kristus ialah Roh Tuhan yang menjadi “Roh itu” yang disebut dalam Yohanes 7:39—Roh Yesus Kristus menerusi inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan Kristus, Roh yang mempunyai elemen divin dan elemen insani, berserta segala esens dan realiti inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan Kristus.
- D. *Perbekalan limpah lengkap* ialah ungkapan yang khusus dan kaya yang digunakan oleh dutus untuk menunjukkan perbekalan limpah lengkap yang kaya daripada Roh Yesus Kristus—Flp. 1:19:
1. Kita perlu melihat bahawa perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus merangkumi kedivinan, iaitu persona divin yang mempunyai hayat dan sifat divin; keinsanan yang dipertinggi, iaitu keinsanan yang mempunyai hayat, kehidupan, sifat, dan persona yang wajar; kematian Tuan yang ajaib dan serba merangkumi di atas salib; dan kebangkitan serta kenaikan Kristus ke syurga—Yoh. 1:1, 14, 29; Gal. 2:20; Luk. 24:5-6, 50-51.
 2. Melalui perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus, kita, sama seperti Paulus, dapat berhidupkan Kristus dan memperbesar-Nya—Flp. 1:19-21a:
 - a. Perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus yang almuhit adalah untuk kita memperbesar Yesus Kristus dengan berhidupkan-Nya; kita

berhidupkan-Nya agar Dia dapat diperbesar dalam apa jua keadaan—ay. 20-21; 4:11-13.

- b. Dalam Roh Yesus Kristus terdapat perbekalan limpah lengkap yang serba merangkumi yang membolehkan kita menghadapi apa jua sekitaran dan dengan itu mengalami Kristus, menikmati Kristus, berhidupkan Kristus, dan memperbesar Kristus—1:19-21a; 4:11.